



SYARLIZ TRAVEL GROUP SDN BHD
(1219095-P, KPK/LN 8841)
A07/01 Block A, 1st Floor,
Garden City Business Centre,
Jalan Dagang Besar, Taman Dagang,
68000 Ampang, Selangor
TEL: +603 42880478 / +6013-628 0817
Email: syarliztravelgroup@yahoo.com

YUNNAN TRIP 9H/7M
KUNMING-DALI-SHANGRI LA-LIJIANG
11 – 19 NOVEMBER 2026

A. ATURCARA:

Hari 01: Kuala Lumpur - Kunming

(MOB)

Berkumpul di KLIA Terminal 2, 4 jam sebelum waktu berlepas ke **Kunming, China**.
Sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kunming, peserta akan disambut
oleh wakil kami di sana dan dibawa ke hotel.

Hari 02: Kunming - Shilin - Chuxiong

(B/L/D)

Selepas sarapan, daftar keluar hotel. Memulakan lawatan ke **Naigu Stone Forest**
dikenali sejak *Dinasti Ming* sebagai 'Keajaiban Pertama Dunia' yang sama memukau
seperti *Shilin Stone Forest*. Terkenal dengan pembentukan kars, iaitu landskap yang
terbentuk daripada batu kapur dianggarkan berusia sekitar 270 juta tahun.
Menampilkan tiang batu kapur yang gelap menjulang tinggi dan formasi batuan
pelik menyerupai haiwan, figura manusia, menara dan bentuk lain yang menarik
dengan ketinggian lebih 40meter. Bertolak ke **Chuxiong**. Lawatan **Yi Ancient Town**
tempat tarikan pelancong yang menggabungkan keindahan alam, sejarah serta
budaya yang kaya dan kehidupan tempatan yang sebenar dan merasakan
keindahan masyarakat china yang kuno dan tradisional. Mereka juga terkenal
dengan hasil kraftangan tempatan yang unik dan berkualiti tinggi seperti kain tenun,
seramik dan ukiran kayu. Makan malam dan bermalam di **Chuxiong**.



Hari 03: Chuxiong- Weishan – Dali

(B/L/D)

Selepas sarapan, daftar keluar hotel. Memulakan perjalanan ke **Weishan Ancient City** yang terletak di daerah Weishan Yi dan Hui Autonomous. bandar purba yang kaya dengan sejarah, budaya dan seni bina. Dikelilingi oleh tembok kota purba yang menarik, struktur bandar peninggalan sejarah ini mempamerkan gabungan budaya Yi dan Hui (Muslim). Lawatan **Weishan Muslim Village**. Komuniti ini telah wujud sejak abad ke-13, apabila tentera Muslim dari Asia Tengah dihantar oleh Dinasti Yuan untuk menetap dan mengawal kawasan ini. Terdapat lebih 20 masjid di kawasan ini, termasuk Masjid Donglianhua yang boleh memuatkan sehingga 1,000 jemaah. Bertolak ke **Dali**. Lawatan **Dali Ancient Town**, Sebuah bandar purba bersejarah dengan senibina tradisional dan kaya dengan budaya. Merupakan diantara tempat pelancongan paling popular di Yunnan. Kota ini dipelihara oleh kerajaan tempatan dengan melarang sebarang pembinaan moden di bandar lama ini. Bermalam di **Dali**.



Hari 04: Dali-Lijiang

(B/L/D)

Selepas sarapan, memulakan lawatan ke **Dali Santorini** merupakan tempat pelancongan yang diilhamkan dari senibina Pulau Santorini di Greece. Pengunjung dapat menikmati pemandangan laut yang cantik, berbelanja di kedai-kedai yang unik. Tempat ini sangat mesra terhadap semua tetamu dari peringkat umur. Kembali ke **Lijiang Ancient Town, Sifang Street**, adalah sebuah bandar lama yang terkenal di China dan memiliki daya tarikan pelancong yang unik. Bandar ini terkenal dengan arsitektur silam yang menarik. Seperti rumah tradisional, batu yang disusun menjadi jalan sepanjang bandar dan sistem air kuno. Tetamu juga akan disajikan dengan pemandangan indah Taman Nasional Gunung Yulong. Dan menjadikan tempat ini adalah daya tarikan bagi mereka yang tertarik dengan sejarah, budaya dan keindahan alam China yang unik. **Black Dragon Pool** yang terletak di kaki Gunung Xiangshan yang dikelilingi air jernih yang kelihatan seperti jed, pemandangan indah pokok purba pain dan struktur-struktur bersejarah yang mewujudkan persekitaran yang tenang dan indah dengan pemandangan gunung yang dilitupi salji. Akhiri lawatan ke **Lijiang Mosque**, salah satu mercu tanda islam, disini dapat melihat kehidupan penduduk islam yang aman dari pelbagai budaya. Makan malam dan bermalam di **Lijiang**



Hari 05: Lijiang

(B/L/D)

Selepas sarapan, **Jade Dragon Snow Mountain**. Peserta dibawa menaiki Cable Car ke hulu gunung yang terletak di bahagian utara China. Nikmati pemandangan panoramik puncak dilitupi salji yang mengagumkan. **Ganhaizi** adalah padang rumput alpine yang terletak di Jade Dragon Snow Mountain Scenic Area. Daya tarikan utamanya meliputi pemandangan indah Gunung Jade Dragon yang menjulang tinggi menjadi latar belakang, pelbagai spesies tanaman alpine yang langka dan bunga liar yang berwarna warni. **Yushui Village**, adalah salah satu tarikan pelancongan utama Lijiang, yang menampilkan seni bina Naxi, muzik Naxi purba, dan mural. Kampung ini menarik membawa budaya Dongba dan pasti akan menawarkan pengalaman berkualiti kepada tetamu. Melawat dan bersiar-siar di **White River + Blue Moon Valley** adalah destinasi semula jadi yang menakjubkan di wilayah ini. Terkenal dengan airnya yang berwarna putih susu dan berwarna biru pada lembah ini dikelilingi oleh pergunungan hijau yang menambah keindahan alaminya. Ikuti lawatan disekitar lembah dengan landskap yang menakjubkan dengan menaiki battery car. Peserta dibawa melihat persembahan secara langsung kebudayaan **Impression of Lijiang**, pertunjukan ini menampilkan muzik dan tarian tradisional Naxi. Makan malam dan bermalam di **Lijiang**.



Hari 06: Lijiang – Shangri-La

(B/L/D)

Selepas sarapan, lawatan ke **Tiger Leaping George Scenic Area** yang menawarkan pengalaman alam yang menakjubkan dengan pemandangan gunung yang eksklusif serta air sungai yang mengalir deras di antara gunung menjadikan ianya semakin menarik untuk dirakam didalam kenangan. Seterusnya peserta dibawa ke **Dekuzong Old Town**, bandar Tibet yang berusia lebih 1,300 tahun, disini juga terkenal dengan lorong batu yang dipenuhi gerai seni, kedai kraftangan, muzium, rumah teh dan rumah kayu purba. Makan malam dan bermalam di **Shangri-La**.



Hari 07: Shangri-La - Kunming

(B/L/D)

Selepas sarapan, lawatan ke **Puda Cuo Park** juga dikenali sebagai Taman Negara Pudacuo ialah taman negara pertama China yang terletak di Shangri-La Yunnan dan **Napa Lake** sebuah tasik bermusim yang unik. Selepas makan tengahari, dibawa ke Lijiang Train Station ke **Kunming**. Bermalam di **Kunming**.

Bullet train to Kunming: Departure at **1725/2204** (4.5hrs)



Hari 08-09: Kunming - Kuala Lumpur

(B/L/D)

Selepas sarapan, lawatan ke **Cui hu Park**, **Luosiwan International trade city**, **Kunming Old Street**, **Nanping Street** dan **Shuncheng Mosque** struktur keindahan islam yang terletak di tengah-tengah bandar Kunming. Selepas makan malam dibawa ke Lapangan Terbang Kunming untuk mengambil penerbangan pulang ke **Kuala Lumpur**. Tiba di Kuala Lumpur bersama kenangan manis di **Yunnan, China**.



B. TARIKH PENERBANGAN:

11NOV AK103 KUL KMG 2140 0125(+1)

19NOV AK104 KMG KUL 0230 0625

C. HARGA:

RM4,899.00 (DEWASA) – twin sharing bed

Harga Termasuk:

1. Tiket penerbangan pergi dan balik dengan **AirAsia**
2. Penginapan di hotel bertaraf 4 bintang di semua lokasi
3. Makanan seperti di dalam aturcara
4. Pengangkutan seperti dalam aturcara dan bayaran masuk
5. Speed Train Tiket
6. Tipping
7. Tour leader
8. Bagasi 20kg

Harga Tidak Termasuk:

1. Insuran perjalanan peribadi
2. Barangan lebih had (max 20 kg)

4. Aktiviti tambahan

D. DEPOSIT DAN PEMBATALAN PAKEJ:

1. Deposit: **RM2,000.00 seorang**

2. Tempahan sah bila bayaran deposit sebanyak RM2,000.00 seorang telah diterima oleh **SYARLIZ TRAVEL GROUP**.

NON-REFUNDABLE DEPOSIT – RM2,000.00 SEORANG

3. Bayaran penuh perlu dijelaskan **60 hari sebelum tarikh penerbangan**.

Sekiranya bayaran penuh tidak diterima 60 hari sebelum tarikh penerbangan, **SYARLIZ TRAVEL GROUP** berhak untuk membatalkan tempahan.

4. Deposit RM2,000.00 tidak dikembalikan sekiranya peserta membatalkan penyertaan 60 hari sebelum tarikh pelepasan.

Untuk tempahan, bayaran **DEPOSIT** boleh dibuat melalui online banking:

MAYBANK

564548147305

SYARLIZ TRAVEL GROUP SDN BHD

E. NOTA PENTING:

1. Harga, tarikh, aturcara dan jenis pengangkutan/penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.

2. Harga pakej yang ditawarkan berkemungkinan akan berubah semasa membuat bayaran penuh 60 hari sebelum tarikh penerbangan bergantung kepada nilai tukaran matawang asing semasa.

3. Semua jenis penerbangan dan jenis hotel tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan dibuat.

4. Harga pakej seorang dewasa berdasarkan bilik twin sharing. Bilik untuk kanak-kanak mestilah ada 2 orang dewasa dalam bilik yang sama. Sekiranya 1 orang dewasa sahaja, kanak-kanak tersebut mesti mengikut harga pakej dewasa.

5. Optional tour/activity TIDAK termasuk di dalam pakej dan ditanggung oleh pelanggan sendiri.

6. Harga pakej adalah berdasarkan min 20 orang peserta.